

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	04 APRIL 2017

# KL, New Delhi meterai 31 MoU bernilai RM158.4 bilion

BH - 4/4/2017

Fakta  
nombor

**RM140 BILION**

membabitkan projek di Malaysia dan bakinya adalah projek di India

→ Nilai terbesar babitkan pembangunan bandar raya maritim di Pulau Carey



**M Thillinadan**  
thilli@bh.com.my  
Chennai, India ▶

**M**alaysia dan India semalam memeterai 31 memorandum persefahaman (MoU) bernilai RM158.4 bilion (AS\$36 bilion).

Daripada jumlah itu, kira-kira RM140 bilion membabitkan projek di Malaysia dan bakinya adalah projek di India.

Majlis pertukaran dokumen disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Indus-

tri, Datuk Seri Mustapa Mohamed serta Menteri Perdagangan dan Industri India, Nirmala Sitharaman.

### MoU pelbagai projek

MoU yang dimeterai ketika majlis jamuan tengah hari bersama ketua industri Malaysia-India di Hotel Taj Palace di sini, merangkumi projek pembinaan pelabuhan, lebuhraya, stesen jana kuasa solar serta pembangunan bandar pintar.

Selain itu, pembangunan taman teknologi, terminal penggasan semula, projek pemprosesan kelapa dan minyak sawit serta pusat pengajian tinggi.

MoU terbesar membabitkan pembinaan bandar raya maritim bersepadu di Pulau Carey, Selangor di antara MMC Port Holdings Sdn

Bhd, Sime Darby Property Bhd dan Adani Ports & Special Economy Zone Ltd (India).

Projek bandar raya maritim itu bernilai AS\$22.78 bilion (RM100.3 bilion) untuk tempoh 30 tahun, manakala MoU projek pembinaan pelabuhan di antara MMC dan Adani bernilai AS\$9.39 bilion (RM41.3 bilion), juga di Pulau Carey.

Dalam sesi berasingan, Najib turut mengadakan perjumpaan dengan bilionair India, iaitu Pengerusi dan Pengarah Urusan Biocon Ltd, Kiran Mazumdar Shaw; Pengerusi dan Pengarah Urusan Cadila Healthcare Ltd, Pankaj R Patel; Pengerusi Eksekutif Fortis Healthcare, Malvinder Mohan Singh dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Trimex International, Madhu Koneru.

**RM100.3 BILION**

membabitkan pembinaan bandar raya maritim bersepadu di Pulau Carey, Selangor

**RM41.3 BILION**

membabitkan projek pembinaan pelabuhan di di Pulau Carey